



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	16/11/2019	MUKA SURAT	:	29
JABATAN	:	JPS			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Bimbang rumah runtuh

Penduduk gesa pihak berkaitan baiki cerun runtuh segera

NORAFIZA JAAFAR

RAWANG

Penduduk rumah teres Blok C Jalan Bersatu 20 di sini menggesa pembaikan cerun runtuh di belakang rumah mereka dilakukan segera bagi mengelakkan kejadian lebih buruk berlaku.

Mereka mendakwa cerun berkenaan runtuh lebih sebulan lalu dan berlaku gongsoran tanah serta mendapan yang boleh membahayakan mereka serta kerosakan harta benda.

Seorang penduduk, Abu Bakar Mohamad, 44, berkata, walaupun kanvas sudah dipasang tetapi penduduk bimbang kerana masih terdapat pergerakan tanah dan mendapan.

"Ini kejadian kedua runtuhan tebing sungai di kawasan perumahan ini. Kira-kira tiga tahun lepas kejadian sama berlaku di Blok A



Cerun yang runtuh hanya ditutup dengan kanvas.

mengakibatkan beberapa rumah terjejas.

"Kali ini hanya melibatkan tebing sungai tapi saya bimbang risiko kepada penduduk jika langkah awal tidak diambil," katanya.

Abu Bakar berkata, kerja pengukuhan tebing perlu dilakukan di sepanjang sungai di Taman Bersatu dengan cadangan pemasangan cerucuk bagi mengelak insiden sama berulang.

Sementara itu, Pegawai Khas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rawang, Sulaiman Abu Samah berkata, isu tersebut sudah dibawa kepada pihak berkaitan termasuk Jabatan Pengairan Saliran (JPS) Gombak dan

ADUN Rawang, Chua Wei Kiat.

"Saya dimaklumkan JPS Gombak sedang menunggu kelulusan permohonan peruntukan kerja baik pulih dan pemasangan batu sangkar.

"Sebagai langkah segera pemasangan kanvas telah dilakukan bagi mengurangkan pergerakan tanah sementara pembaikan sepenuhnya dilakukan," katanya.

Katanya, kerja-kerja penyelenggaraan sungai di kawasan itu menghadapi kesukaran disebabkan masalah akses dan jalan sempit.

"Perkara itu juga antara yang perlu diselesaikan sebelum kerja-kerja penyelenggaraan dilakukan," katanya.